

KEWAJARAN LGBT SEBAGAI PENERIMA ZAKAT ASNAF AR-RIQAB



Oleh Puan Rohayu Binti Yusoff
Timbalan Dekan (Pelajar)
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
Kolej Profesional Baitulmal KL
rohayu@kpbkl.edu.my

Allah SWT berfirman dalam surah at-Taubah ayat 60 yang bermaksud :
“Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang kehabisan belanja) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana. Manakala pada tahun 1969, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) telah mengumumkan bahawa dunia telah bebas sepenuhnya dari sistem perhambaan. Ini bermaksud hamba secara fizikalnya tidak wujud lagi di dunia ini.

Sebilangan fuqaha' kontemporari seperti Dr Yusuf al-Qardawi, Sayyid Rashid Ridha dan Syaikh Mahmud Syaltut telah memperluaskan definisi ar-Riqab iaitu ikatan/belunggu perhambaan kepada bentuk-bentuk ikatan/belunggu yang lain iaitu belunggu aqidah, kejahilan/ilmu dan sosial. MAIN Selangor, Negeri Sembilan dan Terengganu merupakan antara MAIN yang aktif dalam pengagihan zakat kepada asnaf ar-riqab moden ini. Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Selangor pada 14 Mei 2012 telah memutuskan bahawa antara golongan yang tersenarai sebagai penerima asnaf al-Riqab adalah homoseksual, gigolo, biseksual, pengkid, tomboy dan mereka yang bersedudukan dengan orang bukan Islam. Fatwa tersebut memutuskan hanya mereka yang ingin kembali ke pangkal jalan sahaja yang akan dibantu untuk melepaskan diri mereka dari belunggu sosial songsang ini. Bantuan tersebut tidak diberikan kepada individu sebaliknya akan diberikan kepada perantara yang akan

memulihkan golongan ini seperti institusi-institusi, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan atau pusat-pusat pemulihan yang akan bertanggungjawab merawat, memulih, membebaskan, melindungi dan mengurus golongan yang terbelenggu ini untuk memiliki kebebasan diri mereka kembali.

Kesimpulannya memperluaskan pengertian ar-riqab mengikut keperluan semasa adalah satu langkah yang dinamik dan dituntut oleh Islam. Ini adalah kerana Islam adalah agama yang sesuai sepanjang zaman, realistik dan fleksibel. Namun pengurusan dan pengagihan zakat ini mestilah sistematik dan cermat agar ia dapat meraih keyakinan umat Islam. Justeru kita sebagai umat Islam haruslah meneliti dan memahami terlebih dahulu sesuatu isu sebelum kita menolak atau mengkritiknya. Jangan cepat melatah dengan mengaitkan isu-isu agama ini dengan isu politik menyebabkan kita menyempitkan dan menutup minda kita dari menerima pembaharuan.